

Headline	Orang tengah, peniaga punca harga meningkat		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	03 Jun 2017	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	6	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	263 cm ²
Journalist	SAJIDA ASARULAH KHAN	AdValue	RM 5,198
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,594



Pengguna perlu lapor kepada KPDNKK jika ikan mahal

Orang tengah, peniaga punca harga meningkat

Oleh SAJIDA ASARULAH KHAN
 pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 2 JUN

LEMBAGA Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) menafikan kenaikan harga ikan yang berlaku sejak awal Ramadan berpunca daripada masalah kekurangan bekalan ikan, sebaliknya berlaku kerana peniaga dan orang tengah mengambil kesempatan menaikkan harga sempena musim perayaan.

Pengerusinya, Datuk Seri Dr. Irmohizam Ibrahim berkata, pihaknya mendapati kenaikan harga ikan sehingga 30 peratus tidak munasabah kerana jumlah pendaratan ikan di kompleks pendaratan di seluruh negara meningkat ketika ini.

“Melalui perjumpaan dengan wakil Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan

(FAMA) dan Jabatan Perikanan, LKIM dimaklumkan bulan Mac sehingga September ini adalah musim ikan paling banyak di negara ini.

“Jumlah pendaratan ikan pada April dan Mei ini sahaja sudah melebihi 153 juta kilogram dengan nilai lebih daripada RM455 juta,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Jelasnya, walaupun kenaikan harga sering berlaku ketika musim perayaan, namun itu tidak adil kepada pengguna dan peniaga perlu mempunyai sifat kemanusiaan serta bersimpati kepada mereka.

“Kenaikan ini berlaku kerana tindakan orang tengah yang melakukan eksploitasi terhadap nelayan dan mereka lebih mengu-

tamakan keuntungan daripada kesejahteraan rakyat.

“Saya juga ingin memberi amaran kepada peniaga supaya tidak menyembunyikan bekalan ikan dan jangan sesekali menaikkan harga kerana tindakan mereka boleh menyebabkan pengguna panik,” katanya

Tambahnya, pengguna juga perlu membuat laporan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) sekiranya mendapati harga yang dijual melambung tinggi serta menyarankan agar kementerian menyenarai hitam peniaga yang terlibat.

“Langkah ini perlu diambil agar peniaga tidak menaikkan harga dengan sewenang-wenangnya dan menjual ikan pada harga berpatutan,” katanya.

Kenaikan ini berlaku kerana tindakan orang tengah yang melakukan eksploitasi terhadap nelayan dan mereka lebih mengutamakan keuntungan daripada kesejahteraan rakyat.”

IRMOHIZAM IBRAHIM
 Pengerusi LKIM

